

Peranan Mentor dalam Program Bina Insan Guru
(*Mentor's Role in Human Teacher Development Program*)

ISMAIL MOHAMED, SOAIB ASIMIRAN, SHAMSUDIN AHMAD & SHAFEE MOHD DAUD

ABSTRAK

Menghasilkan guru yang mempunyai sahsiah yang unggul adalah merupakan hasrat yang terus dipertahankan dalam kurikulum pendidikan guru Malaysia. Kajian ini meneroka peranan yang harus dimainkan oleh mentor pelajar dalam program Bina Insan Guru yang dilaksanakan di Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia berdasarkan pengalaman pemegangtaruhnya. Kajian kualitatif dijalankan ke atas 13 orang responden yang merupakan pemegangtaruh program ini yang terdiri daripada pembuat dasar, jurulatih, fasilitator, mentor, komandan kem, penyelar, ketua jabatan, dan juga bekas pelajar program. Analisis juga dijalankan ke atas dokumen-dokumen berkaitan dengan program ini seperti modul-modul pelaksanaan, proforma, dan panduan pentaksiran program. Terdapat lima peranan utama mentor muncul sebagai tema penting hasil kajian ini iaitu menjadi fasilitator program, melaksanakan pentaksiran pelajar, memberi maklum balas dan bimbingan, membina hubungan, dan membimbing pelajar melaksanakan refleksi. Peranan paling penting ialah membimbing pelajar melaksanakan refleksi kerana jika pelajar tidak membuat refleksi, kesedaran tidak akan timbul dan natijahnya matlamat program tidak tercapai.

Kata kunci: pendidikan guru, pembinaan sahsiah, mentor, refleksi, bina insan guru

ABSTRACT

In order to produce teachers who have superior character is an aspiration that continues to be maintained in the curriculum of Malaysia teacher education. This research explored the roles to be played by the students' mentor in Teacher Character Development Program at all Institutes of Teacher Education throughout Malaysia based on the experiences of its stakeholders. Qualitative studies conducted over 13 respondents which are the stakeholders of the program comprise of a policy-makers, trainers, facilitator, mentor, commander of the camp, coordinator, head of department, and former program participants. The analysis was also performed on documents relating to this program such as the implementation modules, proforma, and guideline of the program assessment. There are five main mentor roles emerged as an important themes as the results of this study which are the facilitator of the program, carry out student assessment, giving feedback and guidance, build up relationships, and guiding the students carry out the reflection. The most important role is to guide learners to carry out reflection because if the student does not make the reflection, there will be no awareness and consequently the objective of the program will not be achieved.

Keywords: teacher education, character development, mentor, reflection, human teacher development

PENGENALAN

Menghasilkan insan guru yang mempunyai pengetahuan, kemahiran dan sahsiah yang tinggi sentiasa menjadi hasrat kurikulum pendidikan guru di Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Standard Guru Malaysia menggariskan kompetensi profesional keguruan yang patut dicapai oleh guru. Ia menggariskan ciri-ciri sahsiah unggul seorang guru yang berteraskan pemupukan daya fikir, pembinaan sikap dan nilai (Bahagian Pendidikan Guru, 2009). Dasar pendidikan guru menjadikan pembangunan aspek insaniah ini sejajar dengan pembangunan aspek kemahiran profesionalisme iaitu guru yang mempunyai pengetahuan kognitif dan kemahiran pedagogi yang tinggi.

Usaha pembangunan aspek sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar digarapkan terutamanya dalam program Bina Insan Guru (BIG). Matlamat program BIG ini adalah untuk melahirkan guru-guru permulaan yang mempunyai sahsiah dan kemahiran insaniah yang terbaik melalui aktiviti-aktiviti program yang berterusan sepanjang pengajian mereka di Institut Pendidikan Guru (IPG). Program ini telah dijalankan di IPG sejak tahun 2002, merupakan kesinambungan program Kursus Latihan Membina Semangat yang telah dijalankan mulai tahun 1992. Pada mulanya program ini hanya terdiri daripada satu aktiviti perkhemahan sahaja, tetapi memandangkan pembentukan sahsiah dan kemahiran insaniah ini sukar untuk dimantapkan dengan satu aktiviti sahaja, maka beberapa aktiviti susulan telah dijalankan agar nilai dan amalan professional yang diterapkan dalam program dapat menjadi satu tabiat yang berkekalan yang diamalkan oleh pelajar (Bahagian Pendidikan Guru, 2005).

Program BIG adalah merupakan satu program untuk menghasilkan perubahan-terancang dalam sahsiah pelajar-pelajar program. Ia merupakan satu pendidikan karektor untuk membantu seseorang mengubah sahsiah dan peribadi sendiri ke arah sahsiah dan peribadi yang lebih baik. Walau bagaimanapun, perubahan yang terhasil daripada sesuatu program biasanya tidak bertahan lama dan sikap atau tabiat asal akan kembali seperti asal seperti sebelum mengikuti program. Oleh yang demikian pernyataan objektif sesuatu program perubahan terancang yang ingin mencapai satu tahap pembelajaran sahaja adalah tidak mencukupi, malah usaha pengekalan perubahan tersebut juga perlu dimasukkan dalam objektif program (Lewin 1952).

Teori Perubahan Lewin (1952) menyatakan bahawa perubahan akan berjaya dicapai jika berjaya melalui tiga fasa iaitu; pencairan tahap sekarang

(unfreeze), bergerak ke tahap lebih tinggi, dan seterusnya pembekuan di tahap baru (freeze). Setiap tahap mempunyai medan kuasa tersendiri yang akan mengekang perubahan lain untuk mengekalkan tahap tersebut. Lewin mengakui bahawa usaha “pencairan” dan “pembekuan” adalah aspek yang paling bermasalah. Dalam keadaan tertentu “katarsis” adalah diperlukan untuk membuang prejudis dan membuatkan pelajar bersedia untuk berubah. Pelajar perlu mengenali “kotak” mereka untuk keluar daripadanya dan berfikir di luar “kotak” tersebut.

Pelajar-pelajar program BIG telah mempunyai karektor tersendiri sebelum membuat keputusan mengikuti latihan perguruan untuk menjadi seorang guru. Mereka mungkin telah mempunyai karektor yang sesuai dengan sahsiah sebagai seorang guru, tetapi mungkin ada juga dalam kalangan mereka mempunyai karektor yang tidak sesuai. Untuk berubah menjadi seorang guru yang mempunyai sahsiah yang tinggi dan terpuji, mereka perlu mengenali diri dan membuka minda masing-masing dalam fasa “pencairan”. Aktiviti yang dirancang dalam program ini adalah untuk mereka “mendedahkan” sifat sebenar dalam situasi yang sebenar, agar dapat diperhatikan oleh jurulatih, fasilitator atau mentor. Kesedaran yang terhasil daripada pendedahan ini diharapkan akan mendorong mereka mengubah perilaku buruk kepada perilaku baik dalam keadaan yang lain. Perilaku yang baik perlu diamalkan berkali-kali supaya menjadi stabil dan akhirnya “terbeku” menjadi tabiat semula jadi yang baik. Apabila tingkahlaku tersebut dipraktikkan secara tekal, ia akan menjadi karektornya yang dominan. Refleksi-atas-tindakan (Schön 1983) akan menggalakkan seseorang itu menyedari tindakannya untuk memperbaiki identiti diri dan proses pembangunan sahsiah ini akan menjadi lebih cepat.

Terdapat dua teori yang sangat relevan dengan Program Bina Insan Guru iaitu Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (Kolb 1984) dan Refleksi (Schön 1983). Program BIG ini mengharap para pelajar dapat membina sahsiah yang lebih baik setelah mereka melalui pengalaman melaksanakan aktiviti-aktiviti dalam program ini menjadikan Teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman relevan dengan program ini. Setelah mengalami pengalaman tersebut, para pelajar perlu melaksanakan refleksi, malah refleksi merupakan satu konsep utama dalam teori pembelajaran dewasa (Jordi 2011). Kedua-dua teori ini menjadi asas kepada pembangunan kurikulum program ini yang mana aktiviti-aktiviti yang dirancang mesti mengandungi elemen-elemen pembelajaran melalui pengalaman dan refleksi.

Pembelajaran berasaskan pengalaman

ditakrifkan oleh Kolb (1984) sebagai satu proses yang mana pengetahuan dibentuk menerusi transformasi pengalaman seseorang. Berdasarkan Gelung Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb (1984), proses pembelajaran seseorang berlaku pada dua kontinum iaitu Bertindak – Memerhati, dan Merasai – Berfikir. Pengetahuan terbentuk hasil kombinasi memahami pengalaman dan transformasi pengalaman yang diterima. Menurut Kolb, kita tidak boleh bertindak dan memerhati sekali gus dalam satu masa, begitu juga kita tidak boleh berfikir dan merasai serentak dalam satu masa. Walau bagaimanapun, selang masa antara dua tindakan tersebut mungkin boleh berlaku dengan terlalu pantas sehingga kita perasan bahawa kedua-duanya berlaku serentak. Kontinum bertindak-memerhati adalah kontinum pemprosesan yang cuba memahami pengalaman menerusi proses mengeksperimen secara aktif dan membuat pemerhatian secara reflektif. Kemudian, ia akan beralih kepada kontinum merasai-berfikir iaitu yang Kolb (1984) namakan sebagai kontinum persepsi. Pada kontinum ini, seseorang akan mengubah pengalaman (transformasi pengalaman) menjadi pengetahuan menerusi perasaan dan fikiran. Semakin kerap gelung ini dilengkapkan, maka semakin banyak pembelajaran berlaku dan tingkahlaku yang terhasil akan lebih stabil.

Proses pembelajaran ini boleh dipertingkatkan lagi dengan pelaksanaan proses refleksi ke atas pengalaman yang telah diperolehi daripada aktiviti-aktiviti pembelajaran. Menurut Schön (1983), refleksi merupakan satu proses mental dan para pelajar memerlukan bimbingan untuk menjalani proses ini. Ini adalah kerana para pelajar lebih cenderung untuk “merasai” daripada “berfikir”, dan lebih cenderung untuk “memerhati” berbanding “bertindak”. Schön (1983) juga mengemukakan konsep refleksi-dalam-tindakan dan refleksi-atas-tindakan. Kedua-dua konsep ini boleh dikaitkan dengan teori Kolb yang mana seseorang boleh membuat refleksi ketika memerhati, bertindak, merasai dan berfikir. Sebagai contoh, ketika melalui pengalaman bekerjasama dengan rakan, seseorang akan merasai perasaan seronok kerana kerja dapat disiapkan dengan cepat. Jika dia dapat berfikir dan membuat refleksi bahawa bekerjasama adalah satu tindakan yang baik dan menguntungkan, maka dia akan mengulangi tindakan tersebut dalam situasi yang lain. Proses ini seharusnya berlaku beberapa kali untuk membentuk pengetahuan yang kukuh dan sifat kerjasama tersebut menjadi satu tabiat (Mason, 2013). Refleksi-atas-tindakan pula adalah proses yang mana seseorang itu mengimbuai kembali pengalaman yang telah dia lalui sebelumnya, dan mengimbuai kembali perasaan dan fikiran mereka ke atas pengalaman

tersebut. Proses refleksi-atas-tindakan ini akan membentuk pengetahuan tertentu dan pengetahuan ini digunakan untuk merancang tindakan susulan pada masa akan datang.

Program ini menggunakan masa pembelajaran yang agak besar dan agensi pusat memberikan peruntukan kewangan dan sumber manusia yang tinggi untuk melaksanakan program ini (Rita Ghosh-Moy, et. al., 2007). Oleh yang demikian, sewajarnya semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program ini memandang serius peranan masing-masing dalam memastikan program ini mencapai matlamatnya. Antara individu yang terlibat dalam pelaksanaan program BIG ialah para jurulatih, fasilitator, dan mentor yang telah dilantik bagi setiap kumpulan pelajar.

PERMASALAHAN KAJIAN

Dalam pelaksanaan program BIG di IPG, pensyarah yang telah dilantik sebagai mentor sesuatu kumpulan pelajar perlu hadir bersama dalam program tersebut untuk membuat penilaian ke atas pelajar-pelajarnya. Walau bagaimanapun beberapa kajian peringkat dalaman yang telah dijalankan ke atas program ini mendapati bahawa terdapat masalah tentang penglibatan mentor dalam program ini.

Kajian penilaian program menggunakan kaedah tinjauan ke atas program BIG yang dilaksanakan di IPG Tawau (Mohd Johan Zakaria dan Ruslan Mapeala 2010) menunjukkan secara keseluruhannya program ini telah dilaksanakan dengan berkesan. Walau bagaimanapun, aspek penglibatan mentor dalam program BIG mengikut opsyen menunjukkan min yang paling rendah. Penyelidik menyarankan agar dilakukan penambahbaikan dari segi penglibatan mentor dalam aktiviti BIG agar program dapat dilaksanakan dengan lancar dan penilaian terhadap pelajar dapat dilakukan dengan lebih telus dan adil (Mohd Johan Zakaria dan Ruslan Mapeala 2010). Kajian penilaian program BIG yang dijalankan oleh Rita Ghosh-Moyet al. (2007) juga mendapati bahawa pensyarah yang terlibat dalam program BIG kurang berkemahiran menilai perkembangan sahsiah pelajar. Pensyarah yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah para mentor yang telah ditugaskan untuk membuat pentaksiran dan penilaian ke atas pelajar-pelajarnya.

Kajian ini cuba meninjau pendapat beberapa orang pemegangtaruh program tentang peranan yang seharusnya dilaksanakan oleh mentor dalam program ini untuk memacu perubahan dalam diri setiap pelajar program agar berubah menjadi seorang insan yang baik sebagaimana yang dinyatakan sebagai matlamat

program ini. Peranan mentor sama ada yang tersurat dalam dokumen dan juga yang menjadi tanggapan para responden kajian diperjelaskan supaya dapat menjadi panduan kepada mentor sedia ada dan mentor yang akan dilantik pada masa akan datang.

KAEDAH

Kajian secara kualitatif ini mendapat data daripada dokumen-dokumen berkaitan peranan mentor atau tutor dalam program ini, dan juga beberapa orang pemegangtaruh program ini ditemu bual untuk mengetahui peranan yang sepatutnya dimainkan oleh mentor. Enam dokumen yang berkaitan program BIG dan mentor yang diperoleh daripada Bahagian Pendidikan Guru dan penyelaras program telah dianalisis, dan 13 orang responden telah ditemu bual untuk mendapatkan data kajian. Responden yang terlibat diperoleh dengan kaedah persampelan snowball yang mana responden yang lebih ditemu bual akan menamakan beberapa orang responden lain yang boleh memberi maklumat yang tepat tentang BIG. Temu bual telah diadakan dengan empat orang pembuat-dasar; tujuh orang pelaksana yang terdiri daripada komandan kem, jurulatih, fasilitator, dan mentor; dan dua orang guru yang pernah mengikuti program ini ketika mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru. Kebanyakan pelaksana pernah menjalankan beberapa fungsi yang berlainan dalam program ini sama ada mereka pernah menjadi jurulatih, kem komandan, fasilitator atau mentor.

Data daripada dokumen dan temu bual dianalisis menggunakan teknik pengkodan, pengkategorian dan perbandingan berterusan untuk mencari tema-tema yang bermakna daripada data (Merriam 2009, 1988). Unit-unit analisis daripada dokumen dan transkrip temu bual diberikan kod-kod yang sesuai. Kemudian kod-kod daripada setiap dokumen dan transkrip temu bual dibandingkan antara satu sama lain sebelum dikategorikan kepada beberapa tema tertentu. Kemudian tema-tema ini juga dibandingkan antara satu sama lain beberapa kali untuk menentukan tema utama dan sub-subtema. Hasilnya ialah beberapa tema utama telah muncul sebagaimana yang dibincangkan dalam topik seterusnya.

HASIL KAJIAN

Sebelum menyentuh tentang peranan mentor dalam program BIG, terdapat beberapa dapatan yang menarik hasil analisis yang dijalankan ke atas dokumen berkaitan

program BIG dan mentor. Yang pertama, istilah yang digunakan bagi pensyarah yang bertanggungjawab membimbing sekumpulan pelajar adalah berbeza antara dokumen berkenaan program mentor-mentee yang dijalankan oleh semua IPG dan dokumen program BIG. Menurut dokumen program mentor-mentee, pensyarah yang terlibat membimbing sekumpulan pelajar ini dikenali sebagai mentor manakala pelajar di bawah bimbingan mereka dikenali sebagai mentee. Berbeza dengan dokumen program BIG, pensyarah yang dimaksudkan membimbing pelajar tersebut dikenali sebagai tutor. Dalam konteks ini, kedua-dua istilah merujuk kepada individu yang mempunyai peranan yang sama. Oleh itu, artikel ini akan menggunakan istilah mentor sahaja untuk merujuk kepada maksud mentor dan tutor.

Kedua, peranan mentor dalam program BIG tidak dinyatakan sebagai antara tugas yang perlu dilaksanakan oleh mentor dalam Buku Panduan Pelaksanaan Program Mentor-Mentee (Institut Pendidikan Guru Malaysia, 2011). Berdasarkan buku panduan mentor-mentee, mentor di IPG berperanan sebagai “ibu bapa angkat”, fasilitator, penasihat, pembimbing dan pakar rujuk kepada kumpulan pelajarinya selama pengajian mereka berada di IPG. Panduan ini juga memperincikan tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh mentor. Malangnya, tugas mentor dalam program BIG tidak dinyatakan dengan jelas dalam buku panduan ini. Ini menyebabkan terdapat jurang dalam dokumen tentang peranan mentor dalam program BIG.

Terdapat beberapa pernyataan dalam dokumen BIG yang menunjukkan peranan mentor dalam program ini. Buku panduan pelaksanaan perkhemahan BIG, ada menyatakan bahawa “Semua petugas yang dilantik / tutor diminta berada di tapak perkhemahan dari mula sehingga tamat aktiviti perkhemahan” dan “mentor / tutor diminta bersama pelajar pada setiap aktiviti yang dijalankan”. Ini bermaksud bahawa mentor yang telah diarahkan menyertai aktiviti perlu sentiasa bersama dengan pelajar masing-masing sepanjang perkhemahan ini. Buku Panduan Pelaksanaan Pentaksiran untuk program ini pula menggariskan beberapa peranan utama mentor dalam prosedur pentaksiran pelajar dalam program ini secara jelas dan terperinci. Walau bagaimanapun, peranan-peranan lain yang perlu dilaksanakan oleh mentor dalam aktiviti perkhemahan dan lain-lain aktiviti program BIG tidak disenaraikan dengan terperinci dalam buku panduan pelaksanaan BIG.

Beberapa tema penting telah muncul tentang peranan yang perlu dilaksanakan oleh mentor dalam program BIG hasil analisis data daripada kedua-dua

analisis dokumen dan analisis temu bual. Peranan-peranan ini meliputi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam dokumen dan apa yang tersirat selama ini dalam pelaksanaan program dan tidak didokumenkan. Seorang responden menyatakan secara umum peranan mentor seperti berikut: “Peranan tutor... sebelum pergi, telah diberi taklimatlah untuk penilaian, menilai pelajar ni. Kemudian apabila pergi sana, dia akan memerhati tutee masing-masing. Dan dia akan memberi markah. Di samping itu aktiviti-aktiviti fizikal dia membantu jurulatih lain. Dan kalau mengikut ratio aktiviti air, seorang jurulatih, 10 pelajar kena ada seorang jurulatih. Tetapi dalam masa tu kita tak sempat nak jaga tu. Jadi kita terpaksa tarik tutor bersama dengan jurulatih untuk memantau aktiviti-aktiviti fizikal. Kalau aktiviti LDK, biasanya dia membantu fasilitator untuk menyelaraskan program mengikut apa yang disediakanlah”.

Fasilitator Program

Menurut responden, dalam fasa 1 program BIG iaitu aktiviti perkhemahan, kebanyakan masa mentor akan menjadi pemerhati perkembangan pelajar dalam setiap aktiviti, dan membantu jurulatih memantau keselamatan pelajar-pelajar mereka. Sesi refleksi bagi setiap aktiviti akan dikendalikan oleh jurulatih dan kadangkala turut dibantu oleh mentor. Mentor akan memainkan peranan utama sebagai fasilitator semasa sesi latihan dalam kumpulan (LDK).

Dalam fasa-fasa lain program BIG seperti aktiviti khidmat sosial, lawatan “bench-marking” dan seminar, mentor memainkan peranan utama kerana tiada jurulatih atau fasilitator terlibat membimbing pelajar. Dalam fasa-fasa ini, pelajar akan merancang sendiri pelaksanaan aktiviti tersebut dengan nasihat daripada mentor. Selepas aktiviti, pelajar perlu menyediakan satu laporan reflektif untuk diserahkan kepada mentor. Menurut seorang responden, “Saya juga membimbing pelajar saya sekiranya mereka ada masalah dan juga membantu mereka menyiapkan kertas kerja yang dilaksanakan sewaktu BIG”. Jadi kejayaan aktiviti mencapai matlamatnya bergantung sepenuhnya kepada peranan mentor dalam menjalankan tugasnya.

Seorang bekas pelajar menyatakan bahawa mentornya turut membantu mereka menyediakan kertas kerja untuk program BIG. Bentuk bantuan yang diberikan oleh mentor tersebut adalah dalam bentuk cadangan-cadangan dan juga dorongan untuk menyiapkan projek yang telah diberikan. Peranan yang dimainkan oleh mentor sebagai fasilitator kepada pelajar akan memberikan pengalaman yang lebih bermakna kepada pelajar berbanding dengan membiarkan pelajar

sendirian melaksanakan projek.

Melaksanakan Pentaksiran Pelajar

Berdasarkan buku panduan program BIG yang merupakan peraturan pelaksanaan program, mentor adalah dikehendaki sentiasa bersama dengan pelajar masing-masing dalam semua aktiviti yang dijalankan. Walaupun bagaimanapun mentor boleh memainkan peranannya tidak dinyatakan dengan begitu jelas dalam buku panduan pelaksanaan. Peranan mentor dalam pelaksanaan pentaksiran pelajar dalam program ini dijelaskan dalam buku panduan pelaksanaan pentaksiran program. Satu frasa dalam buku panduan tersebut menyatakan, “Bentuk pentaksiran - rujukan kriteria, penilaian berterusan secara formatif untuk membolehkan tutor (mentor) mengambil tindakan susulan berdasarkan maklumat yang diperoleh, penilaian sumatif untuk mengukur pencapaian pelajar setelah mengikuti BIG”.

Berdasarkan panduan ini, mentor perlu melaksanakan dua bentuk pentaksiran iaitu pentaksiran formatif dan pentaksiran sumatif berdasarkan kriteria-kriteria yang telah dinyatakan dalam buku panduan tersebut. Dalam pentaksiran sumatif, mentor akan memberi skor kepada sahsiah pelajar berdasarkan pemerhatian yang dibuat sepanjang program. Selain itu, mentor juga akan memberi skor kepada hasil penulisan portfolio dan penulisan laporan reflektif pelajar selepas mengikuti program. Mentor juga perlu melaksanakan pentaksiran secara formatif sentiasa memantau perkembangan pelajar dan memberikan bimbingan untuk membangunkan sahsiah pelajar terbabit. Peranan ini berkait dengan peranan mentor yang seterusnya iaitu memberikan maklum balas dan bimbingan.

Maklum Balas dan Bimbingan

Mentor boleh mendapatkan maklumat tentang perkembangan pelajarinya melalui pemerhatian secara langsung ketika pelajar menjalankan aktiviti dalam BIG, dan melalui analisis kandungan portfolio dan penulisan reflektif pelajar. Dokumen yang ada tidak menjelaskan bagaimana mentor boleh menggunakan portfolio dan penulisan reflektif pelajar untuk memberi maklum balas dan bimbingan kepada pelajar. Teknik ini dijelaskan oleh seorang responden, “Portfolio ini akan diserahkan kepada tutor. Diserah kepada tutor, dan tutor akan baca refleksi pelajar ini, apa aspek kekuatan, apa aspek kelemahan, apa yang pelajar pelajari daripada situ. Dan maklumat ini boleh digunakan oleh tutor untuk dikembangkan lagi dalam sesi-sesi tutorial. Maknanya dia akan ada follow-up dia la”.

Mentor perlu mendapatkan maklumat tentang sahsiah pelajarinya menerusi pemerhatian secara langsung ketika pelajar menjalankan aktiviti dalam semua fasa pelaksanaan. Aspek yang perlu diperhatikan oleh mentor adalah kekuatan dan kelemahan dalam sahsiah pelajar. Seperti kata seorang responden "...dia mesti membuat pemerhatian langsung, tingkah laku pelajar, kerjasama pelajar, bagaimana pelajar mengurus aktiviti. Dia mesti melihat bersama dengan pelajar. Melalui borang pemerhatian, dia akan lihatlah aspek kekuatan dan kelemahan pelajar dalam domain yang kita sebut tadi".

Mentor bukan sahaja perlu mencatat pemerhatian tersebut, tetapi perlu juga memberi maklum balas dan bimbingan kepada pelajar-pelajarinya tentang tingkahlaku yang sepatutnya diamalkan oleh mereka. Sebagai contoh pengalaman yang dinyatakan oleh seorang mentor, "Kita nampak ada yang sepatutnya tidak berlaku seperti itu, tapi di malam refleksi kita cuba terangkan apa yang sepatutnya guru pelatih buatlah. Kita tegur daripada situ, semasa kita buat malam refleksi". Seorang bekas pelajar juga menyatakan bahawa mentornya turut memberi nasihat dan bimbingan sepanjang aktiviti dalam program BIG berlangsung, "Tutor akan ikut, dia menasihati lah kebersihan ke, ha tu benda-benda macam kebersihan, awak kena sentiasa kemas, kena tepat pada waktunya. Biasa nasihat yang biasa-biasa lah, macam nasihat seorang guru pada murid".

Maklum balas daripada mentor adalah penting kerana para pelajar kadang-kadang lupa diri apabila terlalu seronok dengan sesuatu aktiviti sehingga terlupa untuk berfikir dan membuat refleksi. Kata seorang responden, "... bila dia dah terlampau 'excited' kan, kadang tak boleh fikir, fikir seronok je kan. Tapi sebenarnya bila 'lecturer' bagi maklum balas tu, kira dapat input lah. Sebab 'lecturer' dia lagi pengalaman kan. Dia memang membantu guru pelatih buat refleksi lah".

Membina Hubungan

Menurut responden, penglibatan mentor dalam program BIG mempunyai agenda tersirat. Jika mentor terlibat bersama-sama dengan pelajarinya, hubungan mereka akan menjadi lebih akrab dan mentor boleh mengenali pelajar-pelajarinya dengan lebih baik. Kata seorang responden, "secara tidak langsung sebenar kekuatan mentor yang ada di situ yang dikehendaki daripada program BIG ini ialah nak menguatkan hubungan antara mentor dan mentee". Menurut responden, kalau mentor tidak dapat melibatkan diri dalam program BIG, program mentor-mentee mungkin akan menghadapi

masalah.

Mentor perlu mengenali dengan rapat pelajar-pelajar kerana mereka diharapkan dapat memberikan maklumat yang tepat tentang pelajar-pelajarinya. Menurut responden, mentor perlu "tahu apa yang pelajar perlu tahu, dan mentor tahu perkembangan pelajar-pelajar ini. Seharusnya dia tahu. Bila sebut saja nama, mentor boleh jelaskan, pelajar ini begini perangnya, begini baiknya". Membuat aktiviti bersama dengan pelajar dalam program BIG ini akan memberi peluang kepada mentor belajar tentang sikap pelajar terhadap diri sendiri dan orang lain. Ini akan membantu mereka memainkan peranan mereka membimbing pelajar. Kata seorang responden, "Apa sahaja masalah yang dihadapi oleh pelajar, mentee dia, tutor mesti ambil tahu".

Sebab itulah tugas mentaksir perkembangan ini diserahkan kepada mentor masing-masing dan bukannya jurulatih atau fasilitator aktiviti. Menurut responden "Penilaian itu hanya orang kata adalah alat, tapi hasrat sebenarnya adalah hubungan itu, antara mentor dengan mentee itu penting. Jadi bukannya hanya sekadar untuk tulis itu (skor) sahaja".

Bimbingan Refleksi

Menurut responden, refleksi sangat penting dan setiap pelajar mesti melalui proses refleksi. "Refleksi memang penting. Sebenarnya kita 'refresh' balik apa yang dah berlaku". Malah ada responden yang berpendapat, jika refleksi tidak dilaksanakan dalam program BIG ini, maka program tersebut telah gagal mencapai matlamatnya dan pelajar tidak belajar apa-apa. Kata seorang responden, "Dia mungkin dapat penat dan tidak dapat apa. Sebab bila habis, dia tak tahu apa dia belajar, apa dia tak tahu. Mungkin sedikit sangat".

Oleh sebab sesi refleksi adalah sangat penting, maka jurulatih, fasilitator dan mentor perlu berupaya mengendalikan sesi tersebut dengan berkesan. Mereka perlu dilatih untuk mengendalikan sesi refleksi seperti kata seorang responden, "... perlu diberi pendedahan kepada jurulatih, kepada fasilitator kita supaya mampu melaksanakan sesi refleksi ini, kalau tidak, BIG ini akan menjadi satu aktiviti yang tinggal aktiviti. Tetapi tidak digunakan aktiviti untuk guru pelatih ini membuat refleksi diri dia, merenung ke dalam diri dia. Itu sangat penting".

Oleh sebab refleksi akan mencungkil kembali pengalaman lepas dan menggambarkan perlakuan pelajar ketika melaksanakan aktiviti, mentor perlu memerhati perlakuan tersebut di lapangan. Menurut seorang responden, kalau mentor tidak ikut serta dalam aktiviti bersama pelajar, beliau tidak boleh menggambarkan perlakuan tersebut. Jadi akibatnya,

mentor tersebut akan bercakap secara umum sahaja. Menurut beliau lagi, “Cerita umum akan jadi teori, bukan dari pengalaman”.

Semasa aktiviti sedang dijalankan, mentor boleh mengajak pelajaranya membuat refleksi tentang apa yang sedang mereka lakukan. Selepas pelajar melaksanakan aktiviti, mentor boleh memanggil satu perjumpaan dan cuba mengingat kembali apa yang telah mereka alami dalam aktiviti sebelumnya. Pada kedua-dua ketika, mentor boleh menyatakan apa yang telah beliau perhatikan dan membincangkannya bersama-sama dengan pelajar-pelajarnya. Dalam fasa lain program BIG, mentor merupakan fasilitator utama bagi aktiviti-aktiviti tersebut. Oleh sebab itu, pengendalian sesi refleksi selepas setiap aktiviti tersebut telah menjadi tanggungjawab mentor.

Menurut responden, mentor perlu memberi maklum balas bagi maklumat-maklumat tentang kekuatan dan kelemahan pelajar yang beliau perolehi hasil pemerhatian dalam aktiviti program BIG, serta terhadap refleksi pelajar yang dinyatakan dalam sesi refleksi atau penulisan reflektif pelajar. Maklum balas ini boleh diberikan semasa sesi tutorial yang akan dijalankan dari masa ke semasa. Ini akan menjadikan sesi tutorial yang akan dilaksanakan oleh mentor lebih berfokus untuk membantu pelajar-pelajarnya.

PERBINCANGAN

Peranan mentor yang ditemui dalam kajian ini boleh dikategorikan kepada dua kelompok iaitu peranan berkaitan pengurusan dan peranan berkaitan teori program (Chen 2005). Dua peranan berkaitan pengurusan adalah pelaksanaan pentaksiran pelajar dan peranan sebagai fasilitator program. Kedua-dua peranan ini jelas dinyatakan dalam dokumen program BIG, penting untuk memastikan program dapat dilaksanakan sebagaimana yang dihasratkan dalam modul pelaksanaan program. Jika mentor tidak memainkan peranan mereka sebagai fasilitator program, aktiviti program tidak dapat dilaksanakan dengan lancar. Begitu juga jika mentor tidak melaksanakan pentaksiran pelajar, maka laporan penilaian tidak dapat dikemukakan kepada pihak pengurusan untuk menentukan gred pelajar-pelajar tersebut.

Tiga peranan lain pula adalah berkaitan dengan teori program yang sangat berkaitan dengan keberkesanan program mencapai matlamat untuk menghasilkan insan guru yang unggul. Tiga peranan tersebut adalah memberi maklum balas dan bimbingan, membina hubungan dan membimbing refleksi. Tiga peranan ini tidak dinyatakan dengan jelas dalam

dokumen yang mungkin boleh menyebabkan mentor yang baru terlibat dengan program ini tidak menyedari kepentingan tiga peranan ini. Hanya jurulatih yang berpengalaman sahaja dapat menjelaskan perkara ini kepada mentor baru hasil daripada pengalaman mereka membangunkan program ini. Tiga peranan ini akan membantu pelajar menggarap apa yang diinginkan dalam program pembangunan karektor mereka melalui tiga mekanisma iaitu mendapatkan pengalaman, melaksanakan refleksi dan berinspirasi (Moberg, 2008). Bimbingan dan maklum balas daripada mentor akan menjadikan pengalaman yang mereka alami daripada program lebih bermakna.

Penjelasan peranan mentor dalam program ini lebih mudah dijelaskan dengan menggunakan teori Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb. Seperti yang dinyatakan oleh Kolb (1984), manusia cenderung untuk merasai berbanding berfikir, dan cenderung untuk bertindak berbanding membuat pemerhatian reflektif. Oleh itu, peranan mentor adalah untuk membimbing pelajar program memikirkan semula perasaan yang telah mereka alami hasil pengalaman yang mereka lalui. Moberg (2008) juga menyarankan mentor mendedahkan pelajar kepada beberapa konteks yang relevan, untuk membolehkan pelajar berujikaji dengan konteks tersebut. Mereka perlu memberikan maklum balas yang efektif dan mendedahkan pengetahuan penting yang boleh diperolehi daripada konteks tersebut.

Selain itu, mentor juga berperanan membimbing pelajar membuat pemerhatian secara reflektif terhadap tindakan dan perilaku sepanjang program tersebut berlangsung. Seterusnya mereka membimbing pelajar berfikir secara reflektif untuk membina pembelajaran bermakna (konsepsi abstrak) hasil pengalaman mereka dalam program ini. Secara umumnya, mentor bersama-sama dengan jurulatih dan fasilitator lain berperanan memastikan pelajar dapat melengkapkan gelung pembelajaran berasaskan pengalaman. Menurut Moberg (2008), tidak semua pengalaman dapat menghasilkan pengetahuan dan kemahiran yang dikehendaki. Contohnya pengalaman berkayak boleh meningkatkan kemahiran berkayak, tetapi pengalaman bekerjasama dalam aktiviti berkayak jarang disedari oleh pelajar sebagai satu kemahiran yang penting. Oleh itu mentor perlu memberikan maklum balas yang efektif tentang sejauh mana kemahiran dan pengetahuan tersebut telah dikuasai oleh pelajar.

Apa yang diharapkan ialah hasil pembelajaran ini dapat menghasilkan kesedaran dan kesediaan pelajar untuk berubah. Kesediaan boleh ditakrifkan sebagai kepercayaan, sikap dan hasrat seseorang tentang sejauh mana perubahan diperlukan dan

keupayaan organisasi menangani perubahan dengan jayanya (Armenakis, Harris, & Mossholder, 1993). Sikap seseorang terhadap perubahan adalah satu isu yang penting dalam menjayakan sesuatu perubahan terancang selain daripada beberapa faktor yang lain (Rafferty, Jimmieson dan Armenakis 2013). Lewin (1952) menyatakan bahawa mencapai fasa kesedaran dan kesediaan ini, yang beliau namakan sebagai fasa “pencairan”, adalah sesuatu yang sukar. Menghasilkan kesediaan dalam kalangan pelajar memerlukan usaha proaktif daripada mentor dan jurulatih untuk mempengaruhi kepercayaan, sikap dan keinginan untuk membangunkan sahsiah sebagai insan guru yang baik. Menerusi komunikasi yang meyakinkan dan maklumat tambahan, mentor dan jurulatih boleh menggalakkan pelajar membina pengetahuan sendiri dengan terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran program ini. Sumber pengetahuan yang diperolehi daripada kaedah ini lebih bermakna kerana seseorang lebih percaya kepada maklumat yang ditemui sendiri oleh mereka (Armenakis, Harris dan Mossholder 1993).

Matlamat program BIG tidak akan tercapai jika pelajar tidak berubah menjadi lebih baik setelah menjalani proses pembelajaran dalam program ini. Setelah pelajar mempunyai kesedaran sendiri dan bersedia untuk berubah, ia harus disusuli dengan perubahan kepercayaan, sikap dan keinginan yang baru dan ditunjukkan menerusi tingkahlaku dalam situasi yang baru (Lewin, 1952).

Ketika ini pelajar telah memasuki gelung kedua Kitar Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Kolb setelah melalui beberapa kali proses eksperimen secara aktif. Peranan jurulatih dan mentor ialah membimbing para pelajar agar dapat melalui proses melengkapkan gelung pembelajaran ini beberapa kali agar tingkahlaku baru dapat kekal sebagai tabiat atau karektor dominan pelajar. Ketika ini, maklum balas untuk membetulkan tingkahlaku masih sangat diperlukan untuk menambahbaik perlakuan pelajar. Jika pelajar mempunyai lebih banyak peluang menggunakan tingkahlaku baru dengan jayanya, kemungkinan untuk mereka menggunakan tingkahlaku tersebut dalam situasi sebenar adalah lebih tinggi (Mcintosh & Mackay, 2008).

Refleksi adalah satu proses penting dalam program BIG kerana dengan berfikir secara reflektif, barulah pelajar dapat membina pengetahuan bermakna daripada pengalaman yang telah dialami mereka. Menurut Moberg (2008), pembentukan karektor memerlukan integrasi pengetahuan, kognitif, emosi, dan motivasi menjadi suatu tindakan. Oleh itu pelajar perlu mereflek adakah tindakan mereka sejajar dengan dalaman mereka. Menurutny lagi jika pelajar gagal

mendapat maklum balas dalaman, mereka mungkin tidak dapat belajar bagaimana menjadi guru yang baik.

Mentor perlu memahirkan diri dengan teknik berfikir secara reflektif untuk membimbing pelajar untuk berfikir secara reflektif sepanjang program ini. Walaupun pada dasarnya semua guru telah dilatih berfikiran reflektif, tetapi mentor yang terlibat kurang mahir menggunakannya. Kajian yang dilakukan oleh Lee Wai Heng (2003) tentang amalan refleksi dalam praktikum mendapati bahawa para penyelia selalu mengabaikan penulisan refleksi oleh guru pelatih dalam membimbing mereka. Kajian beliau mencadangkan bahawa falsafah dan konsep asas amalan refleksi tidak benar-benar difahami dan para penyelia dipandu oleh konsep yang kabur tentang amalan refleksi.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati bahawa mentor sebenarnya memainkan beberapa peranan yang penting dalam pelaksanaan program BIG di Institut Pendidikan Guru di seluruh Malaysia. Mentor bersama-sama dengan jurulatih dan fasilitator perlu saling bekerjasama agar program ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan memastikan bahawa program ini dapat membawa perubahan kepada pelajar selaras dengan matlamat program. Menurut Schwartz M. J. (2008b), pendidikan karektor yang berkesan memerlukan satu komuniti yang saling bantu-membantu dan bekerjasama antara satu sama lain, dan hubungan ini akan merangsang pelajar untuk belajar dan berkelakuan baik.

Setiap mentor perlu sedar bahawa terdapat sekurang-kurangnya lima peranan yang perlu mereka mainkan dalam program BIG ini iaitu dua peranan berkaitan pengurusan iaitu sebagai pelaksana pentaksiran pelajar dan sebagai fasilitator program. Manakala tiga peranan lagi adalah memberi maklum balas dan bimbingan kepada pelajar sepanjang program, membina hubungan dan membimbing pelajar melaksanakan refleksi hasil pengalaman yang diperolehi daripada program.

Dua peranan mentor yang pertama adalah jelas dinyatakan dalam dokumen program tetapi peranan ketiga, keempat dan kelima adalah implisit dan kurang disadari oleh mentor yang baru dilantik dan baru terlibat dengan program ini. Mentor yang memahami konsep dan matlamat program BIG akan lebih memahami peranan mereka ini dan akan cuba melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Oleh yang demikian mentor yang dilantik perlulah dipilih daripada kalangan pensyarah yang memiliki kemahiran seperti berfikir secara reflektif dan bijak membimbing

pelajar. Jika amalan ini tidak dapat dilaksanakan, mereka yang dilantik perlulah diberi latihan yang cukup untuk menguasai kemahiran yang diperlukan.

Oleh sebab kejayaan program BIG bergantung pada sebaik mana pelajar dapat membuat refleksi sendiri untuk menghasilkan kesedaran dalaman, para mentor perlu memainkan peranan mereka sebaik mungkin untuk memberi maklumat, maklum balas, dan membimbing para pelajar melaksanakan refleksi sendiri. Para mentor perlu mempunyai kemahiran berfikir secara reflektif di samping berkemahiran membimbing orang lain berfikir secara reflektif.

Kajian ini merupakan satu contoh kes yang menunjukkan bahawa terdapat beberapa perkara penting yang berkaitan dengan faktor yang menentukan kejayaan sesuatu program tidak didokumenkan dengan lengkap. Kejayaan sesuatu program mencapai matlamat yang ditetapkan bukan sahaja terletak kepada mekanisme pelaksanaan program tetapi juga kepada pembentukan pengetahuan dan pencapaian hasil pembelajaran kesan daripada pengalaman yang telah dilalui oleh pelajar. Adalah penting faktor-faktor implisit dieksplisitkan sebaik mungkin agar semua yang terlibat dengan sesuatu program dapat memahami konsep dan matlamat program.

Peranan mentor yang telah dikemukakan dalam kajian ini hanyalah merupakan pendapat daripada beberapa orang yang sangat berpengalaman dengan pelaksanaan program BIG. Walau bagaimanapun, ia tidak menggambarkan sejauh mana peranan ini telah dapat dilaksanakan oleh mentor di semua Institut Pendidikan Guru yang terlibat. Kajian lanjut bolehlah dilaksanakan untuk menentukan sama ada pensyarah-pensyarah yang telah dilantik sedar tentang peranan mereka dalam pelaksanaan program BIG dan seterusnya menggunakan dapatan kajian tersebut untuk menentukan kursus yang sesuai untuk mereka.

RUJUKAN

- Armenakis, A. A., Harris, S. G., & Mossholder, K. W. (1993). Creating readiness for organizational change. *Human Relations*, 46(6), 681-703.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2005). Panduan dan modul Program Bina Insan Guru (BIG). Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Guru. (2009). Standard Guru Malaysia. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Chen, H.-T. (2005). Practical Program Evaluation: assessing and improving planning, implementation and effectiveness. Thousand Oak: Sage Publications, Inc.
- Gosh-Moy, R., Mahmood, A. b., Jusoh, S. b., Ismail, S. b., & Manaf, H. b. (2007). Student Character Building Through "Program Bina Insan Guru". *Journal of Research in Teacher Education*, 137.
- Heng, L. W. (2003). Reflective practice and professional knowledge: Understanding the linkages. Seminar Penyelidikan Pendidikan Guru Peringkat Kebangsaan 2003. Kuching: Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Institut Pendidikan Guru Malaysia. (2011). Panduan pelaksanaan Program Mentor-Mentee. Cyberjaya: Sektor Hal Ehwal Pelajar dan Hubungan Luar, IPGM Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jordi, R. (2011). Reframing the concept of reflection: consciousness, experiential learning, and reflective learning practices. *Adult Education Quarterly*, 61(2), 181-197.
- Kolb, D. A. (1984). *Experiential Learning*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Koller, J. (2006). A Study of the Relationship Between Pre-Service Character Education Training and Teacher Efficacy. Ed.D dissertation, Lehigh University, United States-Pennsylvania: Retrieved February 22, 2010, from Dissertation & Theses: Full Text. (Publication No. AAT3215844).
- Lewin, K. (1952). *Field Theory in Social Science: Selected Theoretical Papers*. London: Tavistock Publications.
- Mcintosh, K., & Mackay, L. D. (2008). Enhancing generalization of social skills: Making social skills curricula effective after the lesson. *Beyond Behavior*, 18(1), 18-25.
- Merriam, S. B. (1988). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative research: A guide to design and implementation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Moberg, D. J. (2008). Mentoring for protégé character development. *Mentoring & Tutoring: Partnership in Learning*, 16(1), 91-105.
- Rafferty, A. E., Jimmieson, N. L., & Armenakis, A. A. (2013). Change readiness: A multilevel review. *Journal of Management*, 39(1), 110-135.
- Schon, D. (1983). *The reflective practitioner: How professionals think in action*. New York: Basic Books.
- Zakaria, M. J., & Mapeala, R. (2010). Keberkesanan Program Bina Insan Guru dari perspektif pelajar PISMP Semester Satu IPG Kampus Tawau. *Jurnal Tinta Dinamik*, 2, 69-79.

Ismail Mohamed (Encik)
IPG Kampus Pendidikan Teknik
Bandar Baru Enstek,
71760 Nilai, Negeri Sembilan
E-mel: weilmen@hotmail.com

Soaib Asimiran (Dr.)
IPG Kampus Pendidikan Teknik
Bandar Baru Enstek,
71760 Nilai, Negeri Sembilan

Shamsudin Ahmad (Dr.)
IPG Kampus Pendidikan Teknik
Bandar Baru Enstek,
71760 Nilai, Negeri Sembilan

Shafee Mohd Daud (Dr.)
IPG Kampus Pendidikan Teknik
Bandar Baru Enstek,
71760 Nilai, Negeri Sembilan